

# Seri Paduka rasmi Formula Satu

BH 18 MAR 2002

SEFANG, Ahad - Perlumbaan Formula Satu (F1) di Litar Sepang pada edisi keempat Grand Prix Malaysia-Petronas 2002 hari ini dimeriahkan dengan kehadiran buat kali pertama Yang di-Pertuan Agong.

Malah, kehadiran Tuan-ku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang merasmikan perlumbaan berprestij itu, turut menyuntik semangat kepada pelumba negara Alex Yoong yang menjadi tumpuan peminat tempatan.

Baginda yang diiringi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Penge-

rusi Sepang International Circuit (SIC), Tan Sri Basir Ismail kelihatan berbual seketika dengan pemandu KL Minardi Asiatech itu ketika diperkenalkan kepada barisan pelumba termasuk juara dunia empat kali Formula Satu, Micheal Schumacher di kawasan pit.

Ini adalah kali keempat Litar F1 Sepang menjadi tuan rumah dan sejak 1999, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadirkan diri. Bagaimanapun, kali ini, beliau diwakili Abdullah kerana berada di luar negara untuk lawatan rasmi.

Sebelum perlumbaan sebenar bermula jam 3 petang ini, semua peminat F1 diarak menggunakan kereta lama, vintage. Mengetuai perarakan itu ialah Yang di-Pertuan Agong yang dibawa dalam kereta vintage dipandu Basir dengan membuat satu pusingan.

Sebaik saja perarakan kereta lama berakhir, upacara perasmian dilangsungkan dengan Yang di-Pertuan Agong memukul gong di pentas khas dan dipersembahkan dengan keris sebagai cenderamata. Ini kemudian diikuti dengan persembahan silat

dan tarian pelbagai kaum. Setelah berhenti rehat untuk jamuan tengah hari, persembahan udara diadakan dengan deruman daripada lima pesawat F/A 18D Hornet dari Skuadron ke-18 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Turut memeriahkan suasana ialah persembahan pancaragam terbaik dari tujuh sekolah yang memenangi pertandingan di peringkat kebangsaan sebelum ini. Pancaragam Sekolah Menengah Perlis dijemput khas sebagai penghargaan kepada Yang di-Pertuan Agong, yang berasal dari negeri itu.